

## **Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bumiputera di Tanjong Lumpur**

**Faizah Binti Abdul Rashid**

SMK Tanjong Lumpur, Pahang, Malaysia  
faizahabdrashid@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid bumiputera di Tanjong Lumpur. Masyarakat bumiputera iaitu kaum Melayu merupakan kaum majoriti di Tanjong Lumpur, Kuantan. Masyarakat di Tanjong Lumpur kebanyakannya adalah migran dari negeri Kelantan dan negeri Terengganu dan ada juga yang merupakan penduduk asal negeri Pahang. Kebanyakan murid di Tanjong Lumpur ini adalah daripada keluarga kategori B40 yang bekerja sebagai nelayan, buruh, pekerja am dan hanya minoriti sahaja yang bekerja sebagai penjawat awam. Majoriti anak-anak mereka mendapat pendidikan menengah secara formal di SMK Sungai Soi dan SMK Tanjong Lumpur dan hanya segelintir daripada mereka sahaja yang bersekolah di sekolah yang terletak di bandar. Ada juga yang bersekolah di sekolah berasrama yang terletak agak jauh dari Tanjong Lumpur. Setiap pelajar yang mendapat pendidikan formal di sekolah kerajaan harus mempelajari dan menguasai serta sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi membolehkan mereka mendapat sijil penuh. Pencapaian pelajar yang lemah dalam mata pelajaran bahasa Melayu mendorong kajian ini dijalankan. Data daripada kajian ini dikutip melalui temu bual, pemerhatian dan ujian yang dijalankan ke atas 127 orang murid bumiputera sebagai sampel. Temu bual juga melibatkan beberapa pihak lain seperti guru mata pelajaran, guru kelas, ibu bapa, dan ketua kampung serta Tok Empat di kawasan ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar bumiputera yang lemah ini sangat kritikal kerana terdapat sesetengah daripada mereka sukar untuk memahami menguasai isi pembelajaran kerana berpunca daripada masalah ketidakhadiran ke sekolah dan persekitaran murid-murid yang kurang kondusif. Antara faktor yang dikenal pasti mempengaruhi pencapaian mereka adalah pengaruh dialek tempatan, latar belakang sosioekonomi keluarga yang rendah, sikap murid dan ibu bapa, persekitaran, gaya pengajaran dan pembelajaran serta hubungan antara murid dengan guru. Kajian ini memberi sumbangan kepada para guru dan pentadbir sekolah untuk meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bumiputera di Tanjong Lumpur.

**Keywords:** Pendidikan formal, murid bumiputera, pengaruh dialek, kaum majoriti

### **PENDAHULUAN**

Pada zaman dahulu, bahasa Melayu merupakan roh bagi masyarakat berbangsa Melayu. Bahasa Melayu menjadi nyawa dan nadi bagi setiap individu berbangsa Melayu. Dalam Perlembagaan Malaysia iaitu Perkara 152 telah menetapkan bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara Malaysia. Tokoh Bahasa Melayu iaitu Awang Sariyan (2006) menyatakan bahawa Bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi, bahasa perdagangan pada masa lampau, bahasa pengajian agama dan lingua franca pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sekali gus membuktikan bahawa bahasa Melayu mencapai zaman kegemilangan sebagai bahasa teragung bagi tamadun bangsa Melayu pada suatu ketika dahulu. Bahasa Melayu memainkan peranan penting dan tersebar ke seluruh pelosok dunia dan tidak hairanlah jika didapati pada masa kini terdapat segelintir masyarakat Barat yang mampu berkomunikasi dalam

Bahasa Melayu. Menyedari peri pentingnya bahasa Melayu, maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang wajib lulus oleh setiap pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Semasa di dalam kelas, semua pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan 4 dan 5 wajib mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu. Mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM terbahagi kepada empat kertas iaitu Kertas 1 (1103/1), Kertas 2 (1103/2), Kertas 3 (1103/3) dan Kertas 4 (1104/4). Pelajar akan mempelajari teknik penulisan karangan, teknik mengupas tajuk karangan dan akhirnya mereka akan menulis 2 set karangan dalam Kertas 1 dalam masa 2 jam sahaja. Dalam Kertas 2 pula, pelajar akan mempelajari rumusan rencana, komponen sastera dalam bahasa Melayu (KOMSAS) dan tatabahasa. Pelajar akan menjawab Kertas 2 dalam masa 2 jam 30 minit. Pelajar juga akan menduduki Kertas 3 dan Kertas 4 iaitu Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar.

Tema untuk penulisan karangan sudah ditentukan melalui buku teks yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala tajuk untuk KOMSAS juga adalah berdasarkan buku teks. Namun begitu untuk kupasan dan analisis novel, setiap zon yang terdapat di Malaysia akan mempelajari tajuk yang berbeza. Contohnya semasa di tingkatan 4, pelajar akan memperlajari teks antologi yang sama iaitu Jaket Kulit Kijang dari Istanbul tetapi novel yang berbeza. Bagi Zon 1 iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, pelajar akan mempelajari novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Mardarin. Bagi zon 2 pula iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, pelajar akan mempelajari novel Leftenan Adnan karya latif Talib. Bagi zon 3 iaitu Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan, pelajar akan mempelajari novel Pantai Kasih oleh Azmah Nordin. Bagi zon 4 iaitu Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, pelajar akan mempelajari novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Apabila pelajar belajar di tingkatan 5 pula, karya dalam KOMSAS juga berubah. Bagi setiap negeri di Malaysia, pelajar akan mempelajari antologi yang sama iaitu Sejadah Rindu tetapi novel yang berbeza mengikut zon. Bagi Zon 1, pelajar akan mempelajari novel Songket Berbenang Emas, zon 2 novel Tirani, zon 3 novel Bimasakti Menari dan zon 4 novel Silir Daksina. Dalam setiap antologi tingkatan 4 dan 5, pelajar akan mempelajari puisi tradisional, puisi moden, prosa klasik, cerpen dan novel.

## METODOLOGI KAJIAN

### Pengenalan

Bab ini bakal memaklumkan perihal metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Elemen tersebut adalah reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan persampelan kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, penganalisisan data dan rumusan.

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh murid bumiputera semasa mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah di Tanjong Lumpur, Kuantan Pahang. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan merupakan kaedah kajian deskriptif tinjauan bertujuan untuk mengenal pasti masalah dankekangan yang dihadapi oleh pelajar bumiputera dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Masalah dikaji dalam lima elemen iaitu:

- a. Penulisan karangan
- b. Rumusan
- c. Komsas
- d. Tatabahasa

Menurut Sidek Mohd Noah (2002), kajian deskriptif mampu menyalurkan penerangan sistematis mengenai maklumat dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Borang soal selidik yang dikemukakan adalah soalan bersama responden dan berdasarkan skala Likert yang mengandungi kenyataan seperti sangat setuju, setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

### **Lokasi Kajian**

Kajian ini menggunakan persampelan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Lumpur dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Soi. Seramai 200 orang digunakan sebagai populasi dan 127 dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian sebagai sampel daripada tingkatan 5.

### **Populasi dan Persampelan Kajian**

Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata mengikut kadar iaitu populasi seramai 200 orang manakala sampel adalah seramai 127 orang. Murid akan diberi masa selama 30 minit untuk menjawab borang soal selidik tersebut. Ini adalah kerana sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya (Azizi Yahya et. al., 2007) Pemilihan murid tingkatan 5 dilakukan secara persampelan rawak berstrata.

Mohd Najib Konting (2009) menjelaskan bahawa populasi boleh didefinisikan sebagai set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Saiz sampel perlu dimaksimumkan supaya saiz dapat meminimumkan ralat persampelan. Oleh itu, penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30. Pertambahan sampel akan lebih mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa kajian mengkehendaki ketepatan sepenuhnya dalam penyelidikan yang dilakukan dan menganggar populasi pada aras keyakinan 100% kerana dengan cara ini tidak akan ada ralat persampelan yang akan berlaku. (Mohd Majid Konting, 2005)

### **Instrumen Kajian**

Berdasarkan kajian ini, borang soal selidik mengandungi pelbagai soalan yang akan menunjukkan persoalan mengenai masalah yang dihadapi oleh murid bumiputera dalam pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji menggunakan instrumen kajian yang berbentuk soal selidik dan perkara utama soalan berdasarkan elemen dalam sukanan pelajaran sebagai menyokong dapatan kajian.

Borang soal selidik yang disediakan untuk sampel murid mengandungi 38 soalan. Pengkaji mengasingkan borang soal selidik tersebut kepada 4 bahagian. Penjelasan setiap bahagian dalam borang soal selidik tersebut adalah sepertiuraian berikut:

BAHAGIAN	DIMENSI	ITEM
Bahagian A	Latar Belakang Responden	A1, A2, A3, A4
Bahagian B	Minat Murid bumiputera Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12, B13, B14
Bahagian C	Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Bahasa Melayu	C15, C16, C17, C18, C19, C20, C21, C22, C23, C24, C25, C26
Bahagian D	Masalah-masalah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	D30, D31, D32, D33, D34, D35, D36, D37, D38

Bahagian A sampel dikendaki menandakan etnik dan jantina. Maklumat tentang latar belakang sampel ini akan memudahkan pengkaji mendapatkan gambaran awal diri murid.

Bahagian B menekankan minat murid bukan bumiputera terhadap mata pelajaran bahasa Melayu.

Bahagian C mengenai persepsi murid bukan bumiputera terhadap kesesuaian kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu. Item-item yang terkandung dalam bahagian ini lebih kepada penelitian terhadap kesesuaian topik di dalam buku teks. Bahagian C ini mempunyai 15 item soalan setiap satunya.

Bahagian D pula mengenai masalah yang dihadapi oleh murid bumiputera dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Bahagian D ini mempunyai 9 item soalan setiap satunya.

Dalam borang soal selidik yang disediakan, bahagian A dan B, pengkaji menggunakan kaedah penandaan bagi setiap jawapan yang perlu dipilih oleh murid bumiputera manakala bahagian C dan D, pengkaji menggunakan bentuk skala likert. Setiap soalan yang dikemukakan mempunyai empat pilihan, iaitu sampel perlu memilih jawapan berdasarkan kecenderungan mereka terhadap soalan-soalan tersebut. Skala yang digunakan adalah seperti berikut:

- 4 pilihan  
1 = Sangat Tidak Setuju  
2 = Tidak Setuju  
3 = Setuju  
4 = Sangat Setuju

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian**

Menurut Wang Mui Lin, alat ukuran kajian soal selidik ini digunakan kerana sesuai digunakan dalam konteks di Malaysia dan memenuhi ciri-ciri ujian dari segi kebolehpercayaan, kesahan dan juga skala pemarkahan yang digunakan. Manakala dari aspek kesahan isi pula perlu diberi perhatian untuk menentukan item yang bersesuaian dengan matlamat pengujian. Heaton (1979) menegaskan bahawa sifat kesahan semata-mata, tanpa sifat kebolehpercayaan tidak cukup bagi sesuatu alat ujian yang baik.

Mohd Majid Konting (2000) menjelaskan bahawa kesahan sesuatu alat pengukuran merujuk kepada sejauh mana alat itu mengukur data yang sepatutnya ia dikehendaki untuk mengukur. Menurut Noraini Idris (2010), sekiranya keputusan yang sama sentiasa diperoleh dengan menggunakan kaedah atau metodologi yang sama, maka instrumen penyelidikan dikatakan boleh dipercayai iaitu dalam erti kata lain, jika seseorang individu yang sama diukur dalam keadaan yang sama berulang-ulang kali, maka suatu pengukuran yang mempunyai kebolehpercayaan akan memberi ukuran yang sama atau hampir sama pada setiap kali pengukuran dibuat. Oleh sebab itu, kebolehpercayaan prosedur ukuran boleh didefinisikan sebagai kestabilan atau ketekalan sesuatu ukuran. Kebolehpercayaan instrumen berpandukan nilai pekali 'Alpha Cronbach' yang diproses menggunakan perisian SPSS versi 20.

### **Langkah Pengumpulan Data**

Sebelum menjalankan kajian terdapat beberapa langkah yang perlu diikuti. Antaranya ialah:

- 1) Menyediakan set soal selidik yang mengandungi 4 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A terdiri daripada Latar Belakang Responden, Bahagian B terdiri daripada Minat Murid Bumiputera Terhadap Mata Pelajaran Bahasa

Melayu, Bahagian C terdiri daripada Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Bahagian D terdiri daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh murid bukan bumiputera dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

- 2) Memohon kebenaran daripada pengetua sekolah yang ingin dijadikan tempat kajian.
- 3) Mengedarkan doal selidik kepada responden untuk mereka jawab dan mengembalikannya kepada pengkaji.
- 4) Memasukkan data menggunakan bantuan komputer iaitu program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*
- 5) Membuat penganalisisan data
- 6) Menulis laporan akhir

### **Analisis Data**

Bagi tujuan menganalisis data, pengkaji menggunakan analisis data berkomputer. Program yang digunakan ialah *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Kajian akan dianalisa dalam bentuk min, peratusan dan sisihan piawai bagi menghurai masalah murid bukan bumiputera dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Skor min antara 1.00 hingga 2.00 sebagai tahap rendah, min 2.01 hingga 3.0 tahap sederhana dan min 3.01 hingga 4.00 sebagai tahap tinggi. (Rujuk jadual di bawah)

JULAT SKOR MIN	TAHAP
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

### **Kesimpulan**

Natijahnya bab ini menghuraikan reka bantuk kajian, sampel kajian, boleh ubah kajian, kerangka kajian, prosedur kajian dan penganalisisan data statistik. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif tinjauan. Selain itu, tempat kajian yang dijalankan ialah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Lumpur dan Sekolah Menengah Sungai Soi.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Pengenalan**

Hasil kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama mengenai latar belakang responden iaitu murid bumiputera. Bahagian kedua mengenai minat murid bumiputera terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Bahagian ketiga mengkaji tentang kesesuaian kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu dan bahagian terakhir merupakan kajian mengenai masalah murid bumiputera dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

#### **Latar Belakang Responden**

Sejumlah 127 orang murid bumiputera telah memberikan respons dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan enam buah kelas aliran sastera dan sains yang memiliki latar belakang yang berbeza-beza.

### Maklumat Demografi Responden

Maklumat demografi responden di kenal pasti mengikut etnik dan jantina. Seramai 127 orang murid bukan bumiputera di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Lumpur dan Sekolah Menengah Sungai Soi telah memberi respon dalam kajian ini.

**Jadual 1** Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Lelaki	48	37.8
Perempuan	79	62.2
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>	<b>100</b>

Jadual 1 adalah jadual taburan sampel kajian berdasarkan etnik. Dari segi taburan jantina, jumlah responden pelajar lelaki terdiri daripada 48 orang (37.8%) dan 79 orang (62.2%) terdiri daripada responden pelajar perempuan. Majoriti responden adalah pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki.

### Taburan Negeri Asal

**Jadual 2** Taburan responden mengikut negeri asal

Item	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Terengganu	32	25.2
Pahang	62	48.8
Kelantan	20	15.7
Lain-lain	13	10.3
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>	<b>100</b>

Jadual 2 adalah jadual taburan sampel kajian berdasarkan negeri asal sampel kajian. Terdapat empat negeri asal responden yang dijadikan sampel kajian iaitu negeri Terengganu, negeri Pahang, negeri Kelantan dan lain-lain. Majoriti asal usul responden adalah dari negeri Pahang seramai 62 orang dengan peratus 48.8%, Terengganu 32 orang dengan peratusan 25.2%, Kelantan seramai 20 orang dengan peratusan 15.7% dan selebihnya adalah lain-lain negeri seramai 13 orang dengan peratusan sebanyak 10.3%.

### **Minat Murid Bumiputera Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

**Jadual 3** Tahap seronok dan minat murid bukan bumiputera mempelajari Bahasa Melayu

No. Item	Item	Bil Responden	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Kedudukan
2.	Saya seronok belajar Bahasa Melayu	127	2.02	.642	Sederhana	1
1.	Saya berminat belajar Bahasa Melayu	127	1.96	.660	Rendah	2
<b>Keseluruhan</b>		<b>127</b>	<b>1.98</b>	<b>.615</b>	<b>Rendah</b>	

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian berkaitan tahap seronok dan minat murid mempelajari Bahasa Melayu dalam kalangan murid bumiputera. Jadual tersebut memaparkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan yang dikemukakan. Terdapat dua item iaitu item saya seronok belajar Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana (min = 2.02, sisihan piawai = 0.642) manakala item kedua berada pada tahap rendah iaitu item saya berminat belajar Bahasa Melayu (min = 1.96, sisihan piawai = 0.660). Kesimpulannya menunjukkan (min = 1.98, sisihan piawai = 0.615) berada pada tahap yang rendah. Jelasnya murid bumiputera tidak minat belajar Bahasa Melayu.

**Jadual 4** Topik yang paling diminati dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu

Topik	Bil Responden	Peratus (%)	Kedudukan
Karangan	41	32.3	1
Antologi Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul	38	29.9	2
Antologi Sejадah Rindu	17	13.4	3
Tatabahasa	14	10.3	4
Novel Pantai Kasih	13	10.2	5
Novel Bimasakti Menari	5	3.9	6
<b>Keseluruhan</b>	<b>127</b>	<b>100</b>	

Jadual 4 menunjukkan data kajian berkaitan dengan topik yang paling diminati dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu oleh murid bumiputera. Jadual tersebut memaparkan bilangan responden dan peratus bagi item soalan yang ketiga. Berdasarkan data kajian ini menunjukkan bahawa karangan merupakan topik yang paling diminati oleh murid bumiputera dan mendapat kedudukan yang pertama iaitu 32.3%, item kedua ialah antologi Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul 29.9%, item ketiga ialah antologi Sejадah Rindu 13.4%, item keempat ialah tatabahasa 10.3%, item kelima novel Pantai Kasih 10.2% dan item keenam ialah novel Bimasakti Menari. Secara keseluruhannya menunjukkan topik karangan paling diminati oleh murid bumiputera mungkin disebabkan oleh kemahiran menulis yang bersesuaian dengan tahap pemikiran murid itu sendiri. Seterusnya apabila dipersoalkan sebab murid bumiputera meminati bagi setiap topik tersebut dinyatakan dalam jadual 5.

**Jadual 5** Pandangan murid bumiputera terhadap enam topik dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu

Item	Karangan		Antologi Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul		Antologi Sejada Rindu		Tatabahasa		Novel Pantai Kasih		Novel Bimasakti Menari	
Kedudukan	1		2		3		4		5		6	
	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)
Mesejnya Menarik	46	36.2	43	33.9	47	37	22	17.3	21	16.5	19	15
Mudah Difahami	24	18.9	24	18.9	27	21.3	37	29.1	26	20.5	23	18.1
Kandungan Bersesuaian	30	23.6	23	18.1	11	8.7	21	16.5	26	20.5	27	21.3
<b>Keseluruhan</b>	<b>100</b>	<b>78.7</b>	<b>90</b>	<b>70.9</b>	<b>85</b>	<b>67</b>	<b>80</b>	<b>62.9</b>	<b>73</b>	<b>57.5</b>	<b>69</b>	<b>54.4</b>
Kandungan Membosankan	21	16.5	10	7.9	19	15	29	22.8	27	21.2	30	23.6
Sukar Difahami	6	4.8	23	18.1	23	18	12	9.5	17	13.4	23	18.1
Cerita Tidak Bersesuaian	0	0	4	3.1	0	0	6	4.8	10	7.9	5	3.9
<b>Keseluruhan</b>	<b>27</b>	<b>21.3</b>	<b>37</b>	<b>29.1</b>	<b>42</b>	<b>33</b>	<b>47</b>	<b>37.1</b>	<b>54</b>	<b>42.5</b>	<b>58</b>	<b>45.6</b>

Jadual 5 menunjukkan dapatan kajian berkaitan dengan pandangan murid bumiputera terhadap enam topik dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan tahap minat murid bumiputera. Jadual tersebut memaparkan nilai bilangan responden dan peratusan bagi setiap item soalan yang dikemukakan. Berdasarkan dapatan kajian ini peratusan tertinggi dan berada pada kedudukan pertama ialah karangan. Murid bumiputera menyatakan bahawa bahagian ini mempunyai mesej yang menarik, mudah difahami dan kandungan tajuk yang bersesuaian iaitu sebanyak 100 orang responden (78.7%). Terdapat juga seramai 27 orang murid (21.3%) menyatakan bahawa antologi Sejada Rindu ini mempunyai kandungan cerita yang membosankan, sukar difahami dan cerita tidak bersesuaian dengan pemikiran mereka. Manakala bagi antologi Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul pula sebanyak 90 orang responden (70.9%) menyatakan bahawa antologi ini mempunyai mesej yang menarik, mudah difahami dan kandungan isi cerita yang bersesuaian tetapi seramai 37 orang murid (29.1%) menyatakan bahawa antologi ini mempunyai kandungan cerita yang membosankan, sukar difahami dan cerita tidak bersesuaian dengan pemikiran mereka.

Seterusnya bagi antologi Sejada Rindu, sebanyak 85 orang responden (67%) memilih bahawa cerpen ini mempunyai mesej yang menarik, mudah difahami dan kandungan yang bersesuaian tetapi seramai 42 orang murid bumiputera (33%) menyatakan bahawa antologi ini mempunyai kandungan cerita yang membosankan, sukar difahami dan cerita tidak bersesuaian dengan pemikiran mereka. Bagi bahagian tatabahasa pula, sebanyak 80 orang responden (62.9%) memilih bahawa topik ini mempunyai mesej yang menarik, mudah difahami dan kandungan yang bersesuaian tetapi seramai 47 orang murid bumiputera (37.1%) menyatakan bahawa topik ini mempunyai kaedah yang membosankan, sukar difahami dan ilmu ini tidak bersesuaian dengan pemikiran mereka manakala bagi novel Pantai Kasih pula sebanyak 73 orang responden (57.7%) memilih bahawa novel ini mempunyai mesej yang menarik, mudah difahami dan kandungan

bersesuaian tetapi seramai 54 orang murid bumiputera (42.5%) menyatakan bahawa novel ini mempunyai kaedah penceritaan yang membosankan, sukar difahami dan cerita tidak bersesuaian dengan pemikiran mereka.

Seterusnya topik yang berada pada kedudukan terakhir iaitu novel Bimasakti Menari, sebanyak 69 orang responden (54.4%) memilih bahawa novel ini juga mempunyai mesej yang menarik, mudah difahami dan kandungan yang bersesuaian tetapi seramai 58 orang murid bumiputera (45.6%) menyatakan bahawa cerpen ini mempunyai kaedah penceritaan yang membosankan, sukar difahami dan cerita tidak bersesuaian dengan pemikiran mereka.

Oleh itu, kajian tentang minat dan kecenderungan murid mempelajari Bahasa Melayu serta masalah dalam kalangan murid bukan bumiputera merupakan satu kajian yang penting kerana melalui minat yang ditonjolkan, kita akan dapat membuat perbandingan dan perkaitan dengan kesesuaian topik yang seterusnya. Maka, hasil kajian ini telah menjawab objektif dan persoalan berkaitan yang dikemukakan bagi melihat dan mengenal pasti masalah murid bukan bumiputera belajar Bahasa Melayu.

### **Penggunaan Isi Kandungan Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

**Jadual 6** Kesesuaian isi kandungan dalam buku teks Bahasa Melayu

No. Item	Item	Bil. Responden	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Kedudukan
28.	Kandungan dalam teks memberi teladan dan contoh yang berguna.	127	3.24	.675	Tinggi	1
27.	Saya mendapat banyak perkataan baru dengan mempelajari isi kandungan teks.	127	3.17	.757	Tinggi	2
16.	Teks mengandungi bahasa yang indah dan menarik.	127	3.15	.735	Tinggi	3
29.	Dengan teks, dapat menambahkan pengetahuan saya.	127	3.13	.706	Tinggi	4
21.	Isi kandungan teks menggalakkan minat membaca.	127	3.11	.809	Tinggi	5
20.	Isi kandungan teks wajar dimasukkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	127	3.03	.872	Tinggi	6
17.	Pengajaran dan pembelajaran menggunakan teks membantu meningkatkan kemahiran berbahasa anda.	127	3.01	.821	Tinggi	7
19.	Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan pemahaman saya dalam teks cerpen.	127	3.00	.836	Sederhana	8

23.	Isi kandungan teks memberi pengetahuan, kepuasan dan keseronokkan membaca.	127	2.98	.943	Sederhana	9
22.	Isi kandungan teks mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu saya.	127	2.95	.815	Sederhana	10
26.	Saya dapat meningkatkan kemahiran lisan dan menulis dengan buku teks Bahasa Melayu.	127	2.87	.826	Sederhana	11
15.	Penggunaan teks berjaya menarik minat saya belajar Bahasa Melayu.	127	2.85	.777	Sederhana	12
24.	Isi kandungan teks membuatkan saya lebih suka belajar mata pelajaran Bahasa Melayu.	127	2.79	.931	Sederhana	13
18.	Pengajaran dan pembelajaran menggunakan teks berjaya merangsang minat anda untuk membaca hasil karya Bahasa Melayu yang lain.	127	2.72	.881	Sederhana	14
25.	Pengajaran teks tidak membosankan.	127	2.67	.909	Sederhana	15
<b>Keseluruhan</b>		<b>127</b>	<b>2.97</b>	<b>.616</b>	<b>Sederhana</b>	

Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian berkaitan dengan kesesuaian isi kandungan dalam buku teks Bahasa Melayu bagi murid bumiputera. Jadual tersebut menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan yang dikemukakan. Terdapat tujuh item berada pada tahap tinggi iaitu item pertama kandungan dalam teks memberi teladan dan contoh yang berguna (min = 3.24, sisihan piawai = .675, item kedua iaitu saya mendapat banyak perkataan baharu dengan mempelajari isi kandungan buku teks (min = 3.17, sisihan piawai = .757, item ketiga iaitu buku teks mengandungi bahasa yang indah dan menarik (min = 3.15, sisihan piawai = .735), item keempat iaitu dengan buku teks Bahasa Melayu dapat menambahkan pengetahuan saya (min = 3.13, sisihan piawai = .706), item kelima iaitu isi kandungan dalam buku teks Bahasa Melayu menggalakan minat membaca (min = 3.11, sisihan piawai = .809), item keenam iaitu isi kandungan buku teks wajar dimasukkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (min = 3.03, sisihan piawai = .872) dan item ketujuh iaitu pengajaran dan pembelajaran menggunakan buku teks membantu meningkatkan kemahiran berbahasa anda (min = 3.01, sisihan piawai = .821)

Manakala sebanyak lapan item yang berada pada tahap sederhana. Hal ini meliputi item kelapan iaitu item pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan pemahaman saya dalam Bahasa Melayu (min = 3.00, sisihan piawai = .836), item kesembilan iaitu isi kandungan dalam buku teks memberi pengetahuan, kepuasan dan keseronokan membaca (min = 2.98, sisihan piawai = .943), item kesepuluh iaitu isi kandungan teks mengukuhkan penguasaan Bahasa Melayu saya (min = 2.95%, sisihan piawai = .815), item kesebelas iaitu saya dapat meningkatkan kemahiran lisan dan menulis dengan isi kandungan dalam buku teks (min = 2.87, sisihan piawai = .826), item kedua belas iaitu penggunaan isi kandungan buku teks berjaya menarik minat saya belajar Bahasa Melayu (min = 2.85, sisihan piawai = .777), item ketiga belas iaitu isi kandungan buku teks membuatkan saya lebih suka belajar mata pelajaran Bahasa Melayu (min = 2.79, sisihan piawai = .931), item keempat belas iaitu pengajaran dan pembelajaran menggunakan isi

kandungan buku teks berjaya merangsang minat anda untuk membaca hasil karya bahasa Melayu yang lain (min = 2.72, sisihan piawai = .881) dan item kelima belas iaitu pengajaran berdasarkan buku teks tidak membosankan (min = 2.67, sisihan piawai = .909)

Rumusnya, respon daripada murid-murid bumiputera berkenaan item soalan yang dibina bagi bahagian mengenal pasti kesesuaian isi kandungan dalam buku teks bagi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bumiputera mendapati bahawa kesesuaian buku teks pada tahap sederhana dengan nilai min sebanyak 2.97. Keadaan ini menjelaskan bahawa kesesuaian penggunaan buku teks bagi pembelajaran Bahasa Melayu adalah pada tahap yang sederhana disebabkan buku teks berperanan dalam meningkatkan pemahaman murid kerana penggunaan buku teks dapat membantu meningkatkan kemahiran berbahasa murid, mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu dan mampu memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan murid bukan bumiputera berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

### **Kekangan Apabila Belajar Bahasa Melayu Menggunakan Buku Teks**

**Jadual 7** Kekangan murid apabila belajar Bahasa Melayu menggunakan buku teks

No. Item	Item	Bil. Responden	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Kedudukan
35.	Terlalu banyak topik yang mesti dibaca untuk peperiksaan.	127	3.09	.864	Tinggi	1
37.	Saya tidak faham penggunaan istilah-istilah kesusastraan dan Bahasa Melayu dalam teks	127	2.69	.850	Sederhana	2
36.	Saya tidak ada membaca bahan bacaan bahasa Mellayu lain selain teks di sekolah.	127	2.65	1.094	Sederhana	3
32.	Isi kandungan dalam buku teks sukar difahami.	127	2.58	.955	Sederhana	4
38.	Isi kandungan membosankan.	127	2.45	.879	Sederhana	5
34.	Saya menghadapi masalah dalam memahami isi kandungan.	127	2.37	.933	Sederhana	6
33.	Tidak berminat dengan isi kandungan dalam buku teks.	127	2.29	.901	Sederhana	7
30.	Saya kurang berminat membaca buku teks	127	2.23	.953	Sederhana	8
31.	Saya merasa pengajaran guru tidak menarik.	127	1.94	.898	Rendah	9
<b>Keseluruhan</b>		<b>127</b>	<b>2.39</b>	<b>.607</b>	<b>Sederhana</b>	

Jadual 7 memaparkan kekangan yang dihadapi dalam pembelajaran Bahasa Melayu bagi murid bukan bumiputera. Terdapat satu item berada pada tahap tinggi iaitu item terlalu banyak topik yang mesti dibaca untuk peperiksaan (min= 3.09, sisihan piawai = .864). Maksudnya murid-murid bumiputera berpendapat bahawa terlalu banyak karya yang dimuatkan dalam antologi

dan hal ini menyusahkan murid-murid bukan bumiputera yang terpaksa mengkaji banyak karya sedangkan hanya beberapa soalan yang berkaitan dengan topik yang dipersoalkan dalam peperiksaan awam. Kesimpulannya, kekangan murid adalah bilangan topik yang banyak dan wajib dikaji serta dipelajari.

Manakala sebanyak tujuh item yang berada pada tahap sederhana. Ia meliputi item kedua iaitu item saya tidak faham penggunaan istilah-istilah kesusasteraan dalam buku teks ( $\text{min} = 2.69$ , sisihan piawai = .850), item ketiga iaitu saya tidak ada membaca bahan bacaan lain selain buku teks di sekolah ( $\text{min} = 2.65$ , sisihan piawai = 1.094), item keempat iaitu bahasa dalam buku teks sukar difahami ( $\text{min} = 2.58$ , sisihan piawai = .955), item kelima iaitu isi kandungan membosankan ( $\text{min} = 2.45$ , sisihan piawai = .879), item keenam iaitu saya menghadapi masalah dalam memahami isi kandungan ( $\text{min} = 2.37$ , sisihan piawai = .933), item ketujuh iaitu tidak berminal dengan isi kandungan alam buku teks ( $\text{min} = 2.29$ , sisihan piawai = .901) dan item kelapan iaitu saya tidak cenderung membaca buku teks ( $\text{min} = 2.23$ , sisihan piawai = .953). Seterusnya hanya terdapat satu item di tahap rendah iaitu item kesembilan iaitu saya merasa pengajaran guru membosankan ( $\text{min} = 1.94$ , sisihan piawai = .898).

Generalisasinya kekangan utama murid bumiputera adalah dari segi bilangan topik yang banyak dan terpaksa dibaca. Masalah ini sangat menyusahkan murid-murid bumiputera. Nilai min secara keseluruhannya adalah sebanyak 2.39. Dapatkan kajian yang sederhana menunjukkan bahawa bilangan topik yang dimuatkan dalam buku teks perlulah dititikberatkan agar murid tidak berasa terbeban apabila membacanya. Ternyata, kajian ini telah menjawab objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan iaitu untuk mengenal pasti malah yang wujud bagi murid bumiputera dalam mempelajari Bahasa Melayu.

## **Kesimpulan**

Penerapan pelbagai topik dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu sebenarnya mendidik murid-murid agar mendalamai Bahasa Melayu dan mempraktikkannya dalam kehidupan. Namun begitu didapati bahawa pemilihan topik yang sesuai dengan murid-murid bumiputera sangat penting dan menjadi faktor dominan ke arah pembelajaran yang berkesan. Sesungguhnya kandungan topik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang mempunyai tarikan seperti nilai positif, gaya bahasa yang mudah difahami serta penceritaan yang diolah secara kronologi mampu menarik minat murid-murid untuk mempelajari Bahasa Melayu.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

### **Pengenalan**

Kesimpulan dalam bab ini merupakan hasil kajian dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Lumpur dan Sekolah Menengah Sungai Soi. Dititipkan juga cadangan untuk menambahbaikkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berdasarkan kaca mata pengkaji tentang masalah yang dihadapi oleh murid bukan bumiputea. Kecenderungan murid, kesesuaian dan kekangan yang dialami turut ditekankan dalam rumusan ini.

### **Rumusan**

Berdasarkan kajian ini didapati bahawa murid lebih cenderung mempelajari karangan. Setelah dikaji dari aspek kesesuaian, hanya pada tahap sederhana sahaja murid bumiputera yang berpendapat bahawa Bahasa Melayu memberi pengajaran dalam kehidupan mereka. Apabila diteliti dari segi kekangan pula didapati bahawa murid-murid bumiputera berpendapat bahawa bilangan topik yang perlu dikaji dan dipelajari adalah banyak.

## **Perbincangan Kajian**

Rumusan kajian ini adalah mengambil kira dapatan yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang digunakan untuk membandingkan kajian ini. Ia diasangkan dalam 3 bahagian iaitu kecenderungan murid bukan bumiputera, kesesuaian dengan sukanan mata pelajaran Bahasa Melayu serta kekangan yang dialami.

### **Kecenderungan Murid Bumiputera Mempelajari Bahasa Melayu**

Hasil kajian mendapati bahawa hanya pada tahap sederhana sahaja murid bumiputera yang cenderung mempelajari Bahasa Melayu dan hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa sebab. Faktornya ialah murid-murid minat mempelajari karangan. Kecenderungan murid-murid bumiputera terhadap karangan kerana karangan ini berjaya menyampaikan pengajaran yang tinggi nilainya dan murid-murid tidak terikat pada isi kandungan dalam buku teks. Murid-murid bumiputera juga cenderung mempelajari karangan kerana cara pengolahannya dianggap selari dengan kehidupan dan pengalaman hidup murid-murid bumiputera.

Pelajar bumiputera juga tidak cenderung untuk mempelajari Bahasa Melayu seperti antologi dan novel kerana jalan ceritanya agak panjang. Analisis dan kupasan novel juga panjang dan memakan masa yang agak lama untuk mengkajinya. Bagi murid bumiputera yang sememangnya lemah dalam penguasaan Bahasa Melayu, mereka akan berasa bosan kerana kurang memahami ulasan guru berkaitan dengan antologi dan novel.

Item saya berminat membaca buku teks mempamerkan bahawa murid tidak berminat membaca buku teks dan jika dibuat perbandingan dengan kajian Jumadi bin Saunri (2007), ia menunjukkan bahawa pandangan murid terhadap kesesuaian isi kandungan dalam buku teks bahasa isi kandungan yang terdapat dalam buku teks sesuai untuk murid-murid bumiputera. Namun begitu, kajian yang dilakukan ini berpendapat bahawa tiada minat untuk membaca buku teks dalam kalangan murid-murid bumiputera.

### **Kekangan Murid**

Majoriti murid-murid bumiputera menjelaskan bahawa bilangan isi kandungan yang harus dipelajari sangat banyak. Masalah ini dianggap membebankan murid-murid bumiputera kerana mereka juga diwajibkan mengkaji KOMSAS iaitu dua buah buku antologi yang merangkumi puisi moden, puisi tradisional, prosa klasik dan drama. Gaya bahasa penulisan yang dinukilkilan oleh pengarang juga sukar difahami disebabkan pemilihan diksinya terlalu asing bagi murid-murid apatah lagi tidak pernah digunakan oleh murid-murid bukan bumiputera. Zaini binti Salleh (2002) juga bersetuju dengan dapatan ini. Beliau membuktikan bahawa murid-murid akan terbeban dengan penerapan KOMSAS dalam sukanan pelajaran sedangkan sebelum ini tiada penerapan KOMSAS dalam SPM. Tambahan pula, teks yang digunakan terlalu asing bagi murid-murid bumiputera dan aras prosa klasik sangat tinggi serta tidak sesuai dengan murid-murid bumiputera pada masa kini.

Isnariah Idris (2003) dalam kajiannya, "Sikap dan Minat Murid Tingkatan Satu Terhadap Pembelajaran Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu" mempamerkan hasil dapatan yang selari dengan pengkaji. Kajian beliau berpendapat bahawa bukan majoriti murid-murid bumiputera cenderung mempelajari KOMSAS yang terdapat dalam sukanan pelajaran. Kecenderungan yang kurang dalam kalangan murid-murid bumiputera menyebabkan murid-murid bumiputera mengalami kesukaran untuk mentafsir isi kandungan karya tersebut. Kesukaran ini menyebabkan minat dan kecenderungan itu akan hilang secara beransur-ansur. Murid-murid bumiputera berpendapat bahawa adalah menjadi sia-sia sekiranya mereka cuba menanam minat itu sedangkan maksudnya langsung tidak difahami.

Selain itu, murid-murid bumiputera sudah terbiasa dengan dialek mereka iaitu dialek Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebagainya sehingga bagi sesetengah guru, mereka terpaksa mencari istilah lain sama ada dalam bahasa Inggeris atau dialek murid tersebut. Kadang-kadang guru terpaksa meminta bantuan pelajar lain yang lebih menguasai Bahasa Melayu untuk membuat penerangan kepada murid-murid yang masih tidak menguasai sesuatu topik. Oleh sebab itu, kebiasaan mereka menggunakan dialek mereka menyebabkan mereka sukar bertutur dalam bahasa Melayu standard. Hal ini menyebabkan pelajar bumiputera mendapat markah yang tidak cemerlang dalam Ujian Bertutur kerana pertuturan mereka mempunyai banyak kesalahan tatabahasa, sebutan, nahu dan sebagainya. Contohnya saya disebut kita, tidak disebut dok, tidak mahu disebut dok nok dan sebagainya. Tugas guru untuk membantu murid menguasai sebutan mereka adalah sangat terhad kerana pada masa yang sama, guru perlu mengejar sukatan pelajaran yang telah ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru terpaksa mengajar topik lain yang akan diuji dalam peperiksaan. Jadi, masa yang terhad untuk guru memperbaiki sebutan murid bumiputera.

Selain itu, sikap ibu dan bapa juga menjadi masalah. Kebanyakan ibu bapa memandang enteng terhadap keupayaan Bahasa Melayu. Mereka beranggapan bahawa Bahasa Melayu adalah mata pelajaran yang paling mudah dikuasai berbanding mata pelajaran lain seperti Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, ibu bapa tidak mengendahkan sekiranya anak-anak tidak membuat latihan dan kerja rumah Bahasa Melayu yang diberikan oleh guru. Mereka berpendapat bahawa murid Melayu pastinya dapat menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dengan mudah. Ibu bapa juga tidak cenderung untuk menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen Bahasa Melayu kerana beranggapan adalah membazir sekiranya anak-anak mereka pergi ke kelas tuisyen Bahasa Melayu berbanding mata pelajaran lain. Ibu bapa juga tidak cenderung untuk menyemak latihan anak-anak atau bertanya mengenai prestasi anak-anak dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Oleh sebab kebanyakan murid bumiputera di Tanjung Lumpur ini adalah dalam kategori B40, maka kebanyakan murid bekerja selepas waktu persekolahan. Ada murid yang bekerja untuk menampung perbelanjaan sehari-hari kerana kemiskinan keluarga dan ada juga murid-murid yang bekerja untuk memenuhi tuntutan keperluan yang tidak penting seperti untuk membeli telefon bimbit yang berjenama, membeli motosikal dan sebagainya. Ada juga yang bekerja kerana terpengaruh dengan gaya hidup rakan-rakan yang bekerja. Kebanyakan daripada mereka bekerja di kedai makan yang beroperasi pada waktu malam. Jadi mereka akan bekerja setelah selesai sesi persekolahan iaitu pukul 4 petang sehingga pukul 1 pagi. Oleh sebab itu, mereka tiada masa untuk mengulangkaji pelajaran atau membuat kerja sekolah. Mereka juga cenderung untuk tidak hadir ke sekolah kerana kepenatan dan mengantuk disebabkan bekerja sehingga larut malam.

Pengajaran guru juga menjadi masalah kepada murid-murid bumiputera. Pengajaran guru yang tidak kreatif, membosankan dan hambar menyebabkan murid-murid bumiputera tidak berminat mempelajari Bahasa Melayu. Faktor murid-murid bumiputera yang sukar menguasai Bahasa Melayu dan ditambah lagi dengan pengajaran guru yang tidak menarik dan membosankan menyebabkan tahap penguasaan murid-murid bumiputera semakin kritikal. Terdapat juga kes dalam kelas yang berbeza, pelajar-pelajar bumiputera ini diajar oleh seorang guru yang cemerlang dari segi teknik pengajaran ternyata mampu melonjakkan penguasaan mereka dalam Bahasa Melayu dan keputusan peperiksaan mereka juga memberangsangkan berbanding murid-murid bumiputera yang diajar oleh guru yang tidak kreatif dalam pengajaran. Oleh sebab itu, murid-murid ini sering tertidur di dalam kelas, tidak menyiapkan tugas yang diberikan dan sebagainya. Malangnya kesalahan mereka ini tidak ditegur dengan tegas oleh guru-guru. Pengajaran guru di dalam kelas seolah-olah sekadar melepaskan batuk di tangga.

Umumnya ada guru yang menganggap tugas mengajarkan Bahasa Melayu itu mudah. Bahkan sikap pentadbir juga demikian, kerana sekiranya berlaku masalah kekurangan guru Bahasa Melayu, maka sesiapa sahaja dianggap boleh menjalankan tugas tersebut. Oleh sebab itu, terdapat kes pengajaran guru adalah songsang dan mencemarkan bahasa. Terdapat juga kes murid-murid

bumiputera ini telah menguasai penggunaan imbuhan dalam lingkungan sekolah rendah tetapi telah dikelirukan oleh guru yang tidak mahir apabila dia mula bersekolah. Fungsi guru yang sepatutnya memperkuuh penguasaan tatabahasa murid-murid tersebut tetapi telah bertukar menjadi pengganggu. Murid-murid bumiputera yang tidak bertutur dalam Bahasa Melayu standard di rumah akan terus terpesong. Buktinya terdapat kes murid bumiputera yang mempelajari tatabahasa di tingkatan 1 diajar bahawa terdapat 3 jenis kata ganti diri iaitu kata ganti diri pertama, kata ganti diri kedua, kata ganti diri ketiga dan setiap kategori tersebut mempunyai contoh tertentu untuk memudahkan pemahaman murid. Namun begitu apabila dia belajar di tingkatan 2, guru yang tidak mahir ini memberi contoh kata ganti diri yang salah. Begitu juga dengan kesilapan imbuhan yang diajarkan oleh guru yang bukan opsyen Bahasa Melayu lebih-lebih lagi dalam pemakaian -kan, me-, di-, ber, mem-, meng- dan sebagainya. Begitu juga dengan pengajaran kata majmuk, penggunaan tanda sempang dan sebagainya. Oleh sebab itu, murid-murid bumiputera menjadi keliru dan tiada semangat untuk mempelajari Bahasa Melayu yang dianggapnya tidak konsisten. Pada hakikatnya guru tersebut mungkin tidak memahami dan mendalami fungsi tatabahasa.

## CADANGAN

Data yang diperoleh mendapati bahawa murid-murid bumiputera cenderung untuk belajar topik karangan. Data ini diharapkan dapat memberi panduan kepada guru supaya lebih kreatif semasa mengajar Bahasa Melayu. Penggunaan pelbagai teknik dan kaedah yang menarik mampu menggamt minat murid-murid bukan bumiputera ini. Pengajaran yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sangat digalakkan.

Pelaksanaan aktiviti menarik perlu dilakukan supaya murid-murid bumiputera ini lebih berminat. Pengajaran berbentuk syarahan sangat membosankan murid-murid bumiputera. Murid-murid bumiputera boleh didedahkan dengan simulasi, nyanyian, aktiviti berkumpulan, teknik kerusi panas, lakonan, permainan ketika belajar. Guru hanya berperanan sebagai fasilitator sahaja dan dorongan kepada murid-murid bumiputera harus dilakukan dengan lebih kerap. Guru juga harus merancang setiap aktiviti yang hendak dilaksanakan di dalam kelas dengan teliti supaya murid-murid faham dan aktiviti yang dilakukan tidak menjadi sia-sia sahaja.

## RUMUSAN

Kajian ini mengkaji tentang masalah murid-murid bumiputera dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Harapan agar dapatan ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai masalah murid bumiputera semasa mempelajari Bahasa Melayu. Pendekatan yang drastik dan pragmatik harus dilakukan agar masalah yang dialami oleh murid-murid bumiputera semasa mempelajari Bahasa Melayu dapat dikurangkan. Justeru pelbagai pihak wajar mencari jalan agar murid-murid bumiputera ini terus meminati mata pelajaran Bahasa Melayu dan mendalami serta mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Kita tidak mahu semua perancangan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menjadi sia-sia bak kata peribahasa Melayu yang dikelek tak dapat, yang dikejar keciciran. Pendidikan di Jepun dan Korea wajar dijadikan pedoman. Mereka sangat maju dalam semua bidang dan pada masa yang sama mereka masih mengekalkan bahasa mereka yang diwarisi daripada leluhur mereka sejak ribuan tahun yang lalu.

## RUJUKAN

- Awang Sariyan. 2006. *Bahasa Sebagai Asas Keperkasaan Dan Kelestarian Akar Budaya: Hakikat dan Kerangka Strategi untuk Tamadun Melayu*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. 2008. *Keupayaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Luar Bandar*. Kertas Kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. 2007. *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Batu Caves : Pts Professional Publishing Sdn Bhd.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Norzila Md. Yusof. 2011. *Keberkesanan Cerpen dalam Mempertingkat Prestasi Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Aziz Abd Rashid. 2000. *Pedagogi Bahasa Melayu Prinsip Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Faziah Sulaiman. 2000. *Kepelbagaian Teknik P&P Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Institusi Bahasa.
- Hasnah Abdullah. 2007. *Sikap Pelajar dan Permasalahan Terhadap Penggunaan Alat Bantu Mengajar dalam Pengajaran Kesusasteraan Melayu*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Izzah Abdul Aziz. 2000. *Inovasi Pengajaran Kesusasteraan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Teks Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur.
- Ishak Ramly. 2003. *Teknik Mengajar Sastera*. Pahang : PTS Publishers & Distributors Sdn Bhd.
- Isnariah Idris (2003). *Sikap dan Minat Pelajar Tingkatan Satu Terhadap Penagajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Selangor : Universiti Putra Malaysia.
- Juriah Long (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembelajaran Secara Konstruktivisme*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2001. *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur.
- Kamaruzaman. 2002. *Komponen Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Bahasa dan Sastera di Malaysia. Bogor Indonesia.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Kuala Lumpur : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Mohd Majid Konting. 2009. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Ke-8. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kassim Ismail. 2000. *Pendidikan kesusasteraan ke arah membina pemikiran dalam bahasa, sastera dan budaya melayu Bil 3 2000*. Selangor : Universiti Putra Malaysia.
- Naffi Mat. 2006. *Teknik Mengajar Komsas : Komponen Sastera*. Kuala Lumpur : Pts Professional Publishing Sdn Bhd.
- Nik Safiah Karim. 2002. *Sastera dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing, 7-8 Ogos. Pulau Pinang : Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Kerjasama Universiti Sains Malaysia.
- Rohayah Haji Mohamad Tahir. 2002. *Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis dalam Pengajaran Pemahaman Cerpen Komponen Sastera Sekolah Menengah*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.

- Subadrah Nair & Rajeswari Arumugam. 2006. *Jurnal Keberkesanan Kaedah Model Skema bagi Meningkatkan Kefahaman dan Minat Pelajar Terhadap Cerpen Bahasa Melayu*. Universiti Sains Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. 2000. *Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Noor Amyah Khasbullah. 2008. *Persepsi Pelajar Tingkatan 4 Terhadap Penggunaan Teknik Animasi dalam Pengajaran Cerpen*. Master Pendidikan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Wang Mui Lin. 2003. *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Cina di Sekolah Menengah*. Tesis Master Sains. Universiti Putra Malaysia: Serdang.
- Yahya Othman. Roselan Baki & Naffi Mat. 2009. *Pemerkasaan Pendidikan Bahasa Melayu dari Teori Kepraktik*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zaini Bt Salleh. 2002. *Kesesuaian Penggunaan Komponen Sastera di kalangan pelajar Aliran Sains dan Sastera*. Master Sains. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2007. Permasalahan dalam KOMSAS. <http://suhanis87.blogspot.com/2009/10/permalahannya-dalam-komsas.html> [22 Mei 2012].